

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Jumaat, 12 September 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT MALAYSIA (MHI) 2024

Rakyat Malaysia bahagia, dengan skor kebahagiaan perempuan (7.62) melebihi skor kebahagiaan lelaki (7.57)

PUTRAJAYA, 12 September 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini membentangkan dapatan terkini **Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) 2024**, yang mencatatkan skor keseluruhan **7.60**, menempatkan rakyat Malaysia dalam kategori **bahagia**. Penemuan ini menandakan pencapaian penting dalam penilaian kesejahteraan sosial negara, selari dengan aspirasi pembangunan yang inklusif, berpaksikan rakyat dan berteraskan bukti.

MHI 2024 dibangunkan berasaskan Survei Kebahagiaan Rakyat Malaysia yang mengukur tahap kebahagiaan melalui empat dimensi utama: **fizikal, sosial, emosi dan spiritual**. Dengan **94 indikator** yang dirangkumkan kepada **13 komponen kebahagiaan**, indeks ini berfungsi sebagai alat statistik sosial yang komprehensif dan berimpak tinggi dalam menilai kualiti hidup rakyat Malaysia.

Buat pertama kalinya, laporan MHI diterbitkan secara terperinci di peringkat **negeri dan daerah pentadbiran**, membolehkan penilaian kebahagiaan dilakukan secara lebih bersasar dan berpandukan realiti lokaliti. Sebanyak **16 laporan negeri** telah dihasilkan, dengan **Terengganu (8.64)**, **Johor (8.08)** dan **Negeri Sembilan (8.01)** berada pada tahap sangat bahagia. Manakala **36 daerah** mencatatkan tahap sangat bahagia, dengan skor antara **8.02 hingga 9.83**. **Kluang** mencatatkan skor tertinggi (**9.83**), diikuti **Raub (9.52)** dan **Mersing (9.50)**. Skor kebahagiaan di kawasan **bandar (7.61)** dan **luar bandar (7.56)** menunjukkan keseimbangan kesejahteraan antara strata geografi.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, penerbitan MHI di peringkat mikro ini merupakan satu lonjakan dalam sistem statistik sosial negara, membolehkan penggubal dasar memahami realiti kehidupan rakyat secara lebih mendalam dan merangka intervensi yang lebih tepat.

Dapatan menunjukkan bahawa komponen **Keagamaan dan Kerohanian (8.69)** serta **Keluarga (8.64)** merupakan penyumbang utama kepada kebahagiaan rakyat. Manakala komponen **Kebudayaan (6.22)** mencatatkan skor terendah, namun masih dalam kategori bahagia. Dari segi demografi, **perempuan (7.62)** mencatatkan skor lebih tinggi berbanding **lelaki (7.57)** dan kumpulan umur **15 - 19 tahun (7.79)** merupakan paling bahagia.

MHI 2024 mempamerkan kebahagiaan berterusan rakyat Malaysia, memperlihatkan sikap optimis yang teguh, semangat kebersamaan yang kukuh serta daya tahan kolektif dalam mendepani cabaran global.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Paparan: Infografik Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) 2024



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA

12 SEPTEMBER 2025